



KENYATAAN MEDIA TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

ULASAN UCAPAN PENGGULUNGAN PERBAHASAN TITAH DIRAJA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KE- 14 (2020) OLEH YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DI DEWAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 6 Ogos 2020 – Saya telah mengikuti penggulungan yang telah disampaikan begitu baik sekali oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi semalam, dimulakan dengan penjelasan tentang isu yang sedang dihadapi kita sekarang iaitu isu vaksin COVID-19.

Dalam ucapan tersebut, YB Khairy Jamaluddin telah menjelaskan tentang inisiatif yang telah dimainkan oleh MOSTI di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhan, penggulungan yang telah dilakukan oleh beliau telah menjelaskan secara terperinci tentang pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh Kementerian dan segala persoalan yang telah dibangkitkan oleh YB dari Bakri dan Pontian.

Berkaitan isu Lynas yang telah dibangkitkan oleh YB Kuantan, YB Puan Fuziah Salleh yang berkait dengan lokasi tapak pelupusan kekal (PDF),

Menteri dan Timbalan Menteri MOSTI sendiri akan melawat lokasi PDF Lynas secara fizikal sebaik sahaja sidang Parlimen selesai.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa terbuka untuk menerima apa sahaja pandangan tidak kira daripada Kerajaan mahupun pembangkang berhubung lokasi PDF Lynas.

Ini adalah negara kita Malaysia, kita sama-sama sayangkan negara kita. Jadi semua cadangan yang baik untuk negara, MOSTI sentiasa terbuka. YB Menteri telah memberi mesej yang jelas bahawa segala teknologi, segala pandangan dan segala inovasi yang baik untuk negara kita, ini adalah tanggungjawab MOSTI untuk mengetengahkannya demi kepentingan negara.

TAMAT

YB HAJI AHMAD AMZAD BIN HASHIM

TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

6 Ogos 2020